

Kes NFC: JSJK terima surat penghargaan

PETALING JAYA 26 Mac - Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Ibu Pejabat Polis Bukit Aman hari ini menerima surat penghargaan daripada Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar kerana berjaya menyelesaikan siasatan kes penyelewengan dalam pengurusan dana National Feedlot Corporation (NFCorp).

Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Syed Ismail Syed Azizan (gambar) berkata, penghargaan tersebut merupakan pembakar semangat bagi pasukan jabatannya memberi khid-



mat kepada agama, bangsa dan negara.

"Penghargaan tersebut merupakan hasil kerjasama berpasukan yang dedikasi dan komited terhadap setiap amanah yang diberikan.

"Saya mewakili JSJK mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak kepimpinan tertinggi Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Tan Sri Ismail Omar di atas penghargaan yang amat bermakna ini," katanya yang mewakili jabatannya menerima surat penghargaan tersebut pada persidangan Pengarah Jabatan Po-

lis/Ketua Polis/Komander Briged Pasukan Gerakan Am/Komander dan Komandan di Hotel Grand Dorsett, Subang Jaya, di sini hari ini.

Ketika ditanya pemberita perkembangan siasatan kes NFCorp, Syed Ismail berkata, siasatan masih dijalankan berhubung bagaimana pengurusan dana tersebut digunakan.

NFCorp menjadi isu hangat ekoran Laporan Ketua Audit Negara 2010 pada Oktober lalu yang menyatakan ia adalah syarikat yang mengendalikan projek ternakan lembu di bawah pusat itu telah gagal memenuhi matlamat pertumbuhannya.